

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 30 AUG 1994

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kemerdekaan bagi sesuatu bangsa adalah suatu nikmat yang tidak ternilai. Jika kita rayakan Hari Kebangsaan dan Hari Kemerdekaan, sebabnya bukanlah untuk bergembira semata-mata, tetapi adalah kerana kita bersyukur kita tidak lagi dijajah, tidak lagi dibahagi-bahagikan oleh penjajah dan tidak lagi ditindas secara langsung oleh mereka.

2. Alhamdulillah, hari ini genaplah 37 tahun kita merdeka. Dalam jangkamasa yang pendek ini banyak perubahan telah dapat kita lakukan kepada negara kita, yang tidak dilakukan oleh penjajah sejak mereka mula menjajah kita pada tahun 1511.

3. Keadaan dunia sekarang sangat berbeza daripada keadaan yang wujud semasa kita mencapai kemerdekaan dahulu. Kini Perang Dingin telah tamat. Soviet Union telah mengalami perpecahan, Apartheid di Afrika Selatan telah hapus dan musuh ketat Israel dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) telah berdamai. Namun harapan bahawa dunia akan menjadi lebih baik dengan berakhirnya Perang Dingin masih belum tentu.

4. Konflik di Somalia dan Bosnia-Herzegovina masih berterusan. Yang paling terbaru ialah di Rwanda, di mana pembunuhan seramai kira-kira setengah juta orang telah berlaku. Lebih dua juta rakyat Rwanda terpaksa lari ke negara-negara jiran, penyakit menyerang mereka sehingga beribu-ribu pelarian mati tergelimpang dan yang baki diserang kebuluran sehingga tinggal tulang rangka sahaja.

5. Di negara-negara lain pula gerak gempa, ribut taufan dan banjir yang dahsyat meragut nyawa dan memusnahkan harta benda. Bandar-bandar tidak begitu selamat sehingga rompakan dan pembunuhan sering berlaku.

6. Sebaliknya Malaysia terselamat. Kita dilindungi daripada ribut taufan dan puting beliung dari sebelah Timur oleh Kepulauan Filipina dan dari sebelah Barat oleh Sumatera. Rangkaian gunung berapi mengelilingi Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti rantai leher tetapi tidak satu pun yang terdapat di Malaysia. Hujan turun mencurah-curah di bumi bertuah ini sehingga ia menghidu sepanjang tahun dan

makanan menunggu untuk dipungut daripada ranting, dahan dan akar. Kita boleh ke mana-mana dengan selamat. Banyak lagi nikmat yang diperolehi di Malaysia jika kita merenung sejenak. Dan jika kita renung akan nasib baik kita, tentulah kita lebih bersyukur dengan nikmat-nikmat ini.

7. Jika ada keburukan atau malapetaka di Malaysia, ia disebabkan oleh kita sendiri. Jika bangunan runtuh; jika air sungai menjadi keruh; jika bukit dan gunung yang indah dicemar; jika kemalangan berlaku di jalan raya; jika rumah terbakar; atau dadah disalahgunakan dan AIDS merebak -- semuanya adalah kerana perbuatan kita sendiri. Oleh kerana semua ini disebabkan oleh kita, maka pemulihan juga terpulang kepada kita.

8. Dengan kerjasama rakyat, Kerajaan telah berjaya membangunkan negara. Malaysia sekarang adalah antara negara-negara membangun yang termaju. Taraf hidup rakyat sudah meningkat dan pendapatan purata rakyat juga sudah bertambah.

9. Tetapi walaupun Kerajaan telah menggubal berbagai-bagai undang-undang dan mengadakan jentera bagi menguatkuasakan undang-undang untuk mencegah kejadian-kejadian yang tidak sihat, ia masih juga berlaku, bahkan bertambah. Tentulah jelas Kerajaan dan undang-undang tidak dapat menghapuskan segala perbuatan yang tidak diingini. Jika hanya dengan mengadakan undang-undang dan penguatkuasaannya segala jenayah boleh dihapuskan, maka jenayah sudah tentu tidak ada lagi. Tetapi hakikatnya ialah penjenayah dan orang yang ingkar boleh menidakkan tujuan undang-undang pada bila-bila masa.

10. Kita tidak boleh berharap penjenayah akan insaf dan bersyukur dan tidak akan melakukan jenayah lagi. Tetapi ramai yang melanggar undang-undang bukanlah penjenayah sebenarnya. Mereka adalah orang biasa yang tidak berhajat melakukan jenayah. Namun mereka tidak menghiraukan undang-undang dan aturan-peraturan yang dibuat untuk kebaikan mereka. Mereka melanggar undang-undang dan aturan-peraturan tanpa menganggap perbuatan mereka adalah salah.

11. Kebanyakan daripada kemalangan di jalan raya adalah kerana tidak mematuhi aturan-peraturan jalan raya. Keruntuhan bangunan, kebakaran, penyalahgunaan dadah sehingga mendapat penyakit AIDS, pencemaran alam sekeliling, semuanya disebabkan oleh orang yang bukan penjenayah. Sama ada mereka berniat jahat atau tidak, kesannya adalah sama buruknya. Mengenakan hukuman selepas kemalangan tidak memulihkan apa-apa. Yang diperlukan ialah pencegahan, dan pencegahan yang betul-betul berkesan ialah yang diusahakan oleh diri sendiri.

12. Pencegahan oleh Kerajaan bukan sahaja terhad kesannya tetapi kosnya tinggi. Menyimpan anggota polis dengan banyak untuk menentukan tiada siapa memandu terlalu laju dan

memotong dengan cara yang merbahaya, mungkin dapat mengurangkan sedikit kemalangan di jalan raya, tetapi kos menempatkan polis di sepanjang jalan amatlah tinggi dan kos ini akhirnya akan ditanggung oleh rakyat. Jika hasil Kerajaan digunakan untuk tujuan ini tidak akan ada peruntukan untuk tanggungan-tanggungan Kerajaan yang lain seperti sekolah, klinik, jalan dan bermacam-macam lagi perkhidmatan percuma atau hampir percuma. Sebaliknya jika kita membentuk budaya cermat dan tidak gopoh, kemalangan boleh dikurangkan dengan banyaknya tanpa apa-apa perbelanjaan. Sebenarnya di negara-negara yang mempunyai lebih banyak kenderaan, kemalangan di jalan raya tidak sebanyak di Malaysia. Sebabnya ialah rakyat mereka sanggup mengawal diri sendiri.

13. Demikian juga di negara-negara yang rakyatnya lebih tertib dan menjunjung tinggi undang-undang dan aturan-peraturan, tidak banyak terdapat masalah dadah, AIDS, pencemaran dan jenayah. Apakah tidak mungkin kita di Malaysia juga dapat membentuk dan mengamalkan budaya yang lebih selamat bagi kita?

14. Dalam bidang pembangunan tiada siapa yang menafikan bahawa Malaysia telah mencapai kemajuan yang istimewa. Antara negara-negara membangun, kita sudah jauh maju ke hadapan. Kemajuan kita sudah sampai ke tahap yang mana agensi-agensi antarabangsa menyoal sama ada kita masih boleh diiktiraf sebagai negara membangun atau tidak?

15. Sekali lagi jika kita teliti secara cetek sekalipun, kejayaan kita bukan disebabkan oleh dasar dan tindakan Kerajaan semata-mata. Jika tidak kerana sambutan atau 'response' positif daripada rakyat amnya; rakyat daripada golongan pemodal, pengurus dan pekerja, sudah tentu tidak mungkin kita maju seperti sekarang. Oleh kerana sambutan, usaha dan sikap positif rakyat terhadap dasar dan galakan Kerajaan, matlamat pembangunan tercapai. Dan kita yakin kita akan dapat maju hingga ke tahap negara maju menjelang tahun 2020 kerana rakyat menyambut secara positif wawasan yang ditentukan oleh Kerajaan.

16. Jelaslah bahawa tanpa sambutan rakyat, tidak ada usaha untuk memperbaiki prestasi bangsa dan negara yang boleh berjaya. Justeru itu, dalam usaha kita untuk menjadi masyarakat yang bahagia, rakyat jugalah yang perlu menyambut desakan Kerajaan untuk membasmi amalan-amalan yang tidak sihat yang terdapat di kalangan kita, amalan buatan kita sendiri.

17. Untuk mengurangkan penyakit penyalahgunaan dadah dan membasmi gejala kemalangan jalan raya; untuk mengelak kejadian kebakaran yang begitu kerap; untuk mengatasi masalah lepak, bangunan runtuh, pencemaran alam sekeliling dan lain-lain, seruan dan tindakan Kerajaan perlulah di disambut dengan baik oleh rakyat. Semua malapetaka ini adalah buatan kita sendiri dan kita sendiri juga yang mampu menghalang kejadiannya. Hanya yang diperlukan ialah

pengawasan diri dengan lebih baik dan sifat lebih bertanggungjawab.

18. Jika kita insaf dan bersyukur akan nasib baik kita dan nikmat yang banyak yang kita terima daripada Tuhan, tidaklah keterlaluan jika kita mengikis sifat tidak bertanggungjawab dan tidak mengabaikan undang-undang dan aturan-peraturan yang ada pada kita semua.

19. Bagi pihak Kerajaan, saya ingin menyeru supaya kita menjadikan tahun yang ke-38 kita merdeka ini sebagai tahun yang kita menukar sikap kita terhadap diri kita sendiri. Kerajaan akan membuat apa yang menjadi tanggungjawab Kerajaan, tetapi rakyat hendaklah membina budaya yang mengutamakan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat. Insya-Allah, jika kita buang tabiat yang merugikan kita, negara ini bukan sahaja akan lebih maju tetapi juga kemajuan itu tidak akan tercemar dengan gejala-gejala yang sedang kita lihat berlaku di negara-negara maju di Barat.

20. Negara maju yang dimaksudkan dalam Wawasan 2020 bukan bercorak negara maju keBaratan yang penuh dengan gejala dadah, AIDS, keruntuhan akhlak, malas bekerja dan keburukan-keburukan lain yang kita lihat sekarang. Negara maju Wawasan 2020 adalah lebih bahagia dan terpelihara daripada keruntuhan tamadun. Untuk itu, kita harus bentuk budaya yang sesuai dari sekarang. Hari kemerdekaan yang kita rayakan adalah hari yang tepat untuk membuat resolusi bahawa kita bukan sahaja berusaha merebut peluang meningkatkan kemajuan dan kemakmuran kita tetapi juga untuk menghapuskan amalan-amalan yang tidak menguntungkan kita.

21. Walau apa pun terjadi, kita tidak akan lupa kepada perwira-perwira kita yang telah gugur mempertahankan keselamatan negara dan maruah bangsa kita. Sepertimana mereka sanggup menggadaikan nyawa untuk kita, kita juga harus membuktikan bahawa kita layak dipertahankan oleh mereka.

22. Insya-Allah, dengan resolusi ini dan pengamalannya secara serius, Wawasan kita tidak akan menjadi igauan, tetapi akan menjadi satu kenyataan.

23. Selamat merayakan Hari Kebangsaan kita. Mudah-mudahan kita akan dapat merayakannya berulang kali dalam keadaan negara semakin maju dan rakyat semakin bahagia.
Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.